

Ruj. Kami : MQA 07/Jld.3 (74)

Tarikh : 5 Julai 2012

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

### PEKELILING MQA BIL. 3/2012 – PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dengan kerjasama pakar yang terdiri daripada ahli akademik, industri, badan ikhtisas dan bukan ikhtisas yang berkenaan dengan program pengajian telah mengambil inisiatif menggubal standard program bagi bidang tertentu mengikut keperluan. Standard program tersebut adalah seperti berikut:

- i. Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan;
- ii. Standard Program: Seni Lukis dan Seni Reka;
- iii. Standard Program: Muamalat dan Kewangan Islam;
- iv. Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan; dan
- v. Standard Program: Multimedia Kreatif

3. Standard program ini merupakan keperluan minimum dalam penawaran sesuatu program. Sehubungan dengan itu, pihak pemberi pendidikan tinggi (PPT) boleh menambah dengan elemen-elemen yang bersesuaian agar program yang ditawarkan selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa.

4. Untuk makluman, standard program ini akan digunakan oleh MQA dalam proses penilaian program pengajian berkenaan. Sehubungan itu, semua PPT yang menawarkan program dalam skop standard program adalah tertakluk kepada penggunaan standard program dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi seperti butiran berikut:

( Sila catatkan rujukan jabatan ini apabila berhubung )


BIL	TARIKH	PERKARA
1.	5 Julai 2012 – 4 Julai 2013	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk menggunakan standard program berkenaan.
2.	1 Januari 2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara hendaklah menggunakan standard program berkenaan sepenuhnya.</li> <li>• Standard program berkenaan akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.</li> <li>• pengambilan pelajar pada dan selepas 1 Januari 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan (syarat kelayakan masuk program Diploma tidak terpakai bagi Standard Program Sains Perubatan dan Kesihatan sehingga dimaklumkan kelak).</li> </ul>

5. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman juga, standard program ini boleh dimuat turun di laman web MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)).

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044  
No. Faks : 03-79569496  
Emel : [syedahmad@mqa.gov.my](mailto:syedahmad@mqa.gov.my)